

Media Title : Sinar Harian
Headline : Lelaki jadi keldai akaun sindiket penipuan ditahan
Date : 8 December 2023
Section : Nasional
Page : 14



Lelaki jadi keldai akaun sindiket penipuan ditahan

BALIK PULAU - Seorang lelaki ditahan kerana disyaki menjadi keldai akaun kepada sindiket memperdaya mangsa dalam urusan pembelian sebuah kereta terpakai.

Ketua Polis Daerah Barat Daya, Superintendan Kamarul Rizal Jenal berkata, lelaki berusia 57 tahun itu ditahan oleh Bahagian Siasatan Jenayah Komersial Daerah Barat Daya di pekarangan Balai Polis Kulim Hi-Tech, Kulim, Kedah pada Rabu.

Menurutnya, berdasarkan laporan, mangsa berminat untuk membeli sebuah kereta terpakai jenis Mini Cooper (S) 2.0 cc warna merah dengan harga RM37,000 setelah melihat iklan penjualan melalui Facebook.

"Mangsa kemudiannya terus berurusan dengan ahli sindiket melalui WhatsApp. Mangsa merupakan seorang lelaki berusia 44 tahun dan bekerja sebagai juruteknik.

"Mangsa telah membuat enam transaksi secara dalam talian dengan jumlah keseluruhan RM21,150 sebelum menyedari telah tertipu kerana suspek masih meminta wang," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun keseksaan kerana menipu.



Mangsa kemudiannya terus berurusan dengan ahli sindiket melalui WhatsApp. Mangsa merupakan seorang lelaki berusia 44 tahun dan bekerja sebagai juruteknik."

Kamarul berkata, orang ramai dinasihatkan agar sentiasa berwaspada dan tidak mudah terpedaya dengan muslihat sindiket penipuan jual beli di laman sosial.

"Orang ramai juga diminta supaya tidak terpedaya dengan pinjaman tidak wujud, pelaburan tidak wujud, tawaran pekerjaan luar negara, *macau scam*, *phone scam* atau *love scam* di laman sosial.

"Kita menyarankan orang ramai agar membuat semakan terlebih dahulu ke atas nombor akaun yang diberikan oleh suspek di Portal Jabatan Siasatan Jenayah Komersil PDRM melalui pautan <https://ccid.rmp.gov.my/semakmule>," katanya lagi.